



(FOTO LUOMAN HAKIM ZUBIR/BH)



Info

**Bonsai kristal**

- Hasilkan antara dua hingga tiga kilogram sebulan.  
- Kristal diimport daripada Filipina yang dikatakan memiliki kilat yang cantik.

Alina menunjukkan sebahagian bonsai kristal pada Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga 2017 di Putrajaya, baru-baru ini.

## Bonsai kristal jana pendapatan

JPW Perlis promosi kraf hiasan sebagai produk ikonik negeri

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof afzan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pokok bonsai kristal bukan sahaja memberikan sumber pendapatan, tetapi juga mampu menyuntik semangat wanita Perlis untuk mengeluarkan produk lebih kreatif. Setiausaha Kerja Majlis Pembangunan Wanita Keluarga Negeri Perlis, Alina Abu Seman, berkata Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Perlis diberikan tanggungjawab dalam usaha mempromosi barangan berasaskan kristal sebagai produk ikonik negeri.

Katanya, pemilihan produk ikonik ini dipilih dan dipersetujui pada peringkat pengurusan tertinggi kerajaan.

**Produk kristal unik, cantik**  
"Produk berasaskan kristal ini sangat unik, cantik dan boleh dipelbagaikan dalam pelbagai bentuk barangan, antaranya pokok bonsai kristal sebagai hiasan dan dalam bentuk jahitan pada baju.

"Lebih penting lagi, produk ini berupaya mempromosikan produk ikonik negeri," katanya ketika ditemui pada Konvensyen Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) 2017 bertemakan 'Wanita Abad Ke-21: Mendepani Perubahan' di Putrajaya, baru-baru ini.

Alina berkata, pelbagai inisiatif dijalankan oleh JPW Perlis, antaranya kursus kemahiran penghasilan produk kristal bertujuan menjana pendapatan tambahan dan juga sumber pendapatan boleh dikomersialkan.

Beliau yang sudah 13 tahun berkhidmat dalam jabatan berkenaan berpengalaman lebih la-



Selain cantik, kristal yang membiaskan cahaya itu tampak eksklusif sebagai produk hiasan atau cenderahati"

Alina Abu Seman, Setiausaha Kerja Majlis Pembangunan Wanita Keluarga Negeri Perlis

pan tahun dalam penghasilan produk bonsai kristal. "Antara produk dihasilkan meliputi pokok kristal kecil untuk hiasan meja, hinggalah yang setinggi lebih satu meter.

"Produk yang kami kami hasilkan ini mendapat tawaran mengalakkan daripada penduduk tempatan, malah kami juga banyak menerima tempahan dari Kuala Lumpur," katanya.

**Aktiviti PERWANI**

Alina yang juga bertindak sebagai tenaga pengajar kepada wanita yang terbabit dalam pembuatan pokok bonsai itu berkata, rata-rata wanita mampu menghasilkan antara 10 hingga 15 pokok bonsai sebulan. Bagaimanapun, ia turut bergantung kepada 'kemahiran' pokok.

Katanya, hasil kraf tangan itu turut menjadi sebahagian aktiviti Perkumpulan Komuniti Wanita 1Malaysia (PERWANI). "Untuk kelas PERWANI, kami melatih antara 10 wanita untuk belajar mengenai produk kraf ini. Kemahiran diperolehi diharap berupaya menjana pendapatan

sampingan mereka," katanya.

Mengulas mengenai produk berkenaan, Alina berkata, selain cantik, kristal yang membiaskan cahaya itu tampak eksklusif sebagai produk hiasan atau cenderahati.

"Kombinasi kristal digunakan biasanya tidak lebih daripada tiga warna. Selepas dawai besi dililit, kristal berkenaan akan dililit bersama. Susunan kristal yang rapi memastikan produk akhirnya nanti cantik," katanya.

**Mudah dijaga**

Menperoleh idea membuat bonsai daripada laman sosial YouTube hasil nukilan pengusaha kraf dari Sepanyol, menjalin manik, Alina memberanikan diri mencipta sedikit kelainan dengan menggantikan manik dengan kristal.

Kraf hiasan itu juga tidak sukar dijaga cukup ilap dengan tisu bagi membuang habuk yang mungkin melekat pada kristal berkenaan.

Produk dihasilkan boleh dijual pada harga antara RM50 hingga RM1,000.